

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

YUP 401 - Polisi dan Perancangan Komunikasi

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Dror di dalam artikelnya yang bertajuk "Public Policy Making In Developing States" menyebut tentang beberapa ciri menggubal polisi di kawasan-kawasan tersebut. Senaraikan semua ciri yang dinyatakan oleh pengarang dan terangkan dengan jelas setiap ciri tersebut.

(25 markah)

2. Jelaskan peranan yang dimainkan oleh ideologi di kalangan negara-negara Eropah dalam membuat keputusan mengenai memiliknegarakan (iaitu meletakkan hak milik kerajaan) bidang penyiaran. Mengapakah ideologi tidak memainkan peranan yang sama di dalam proses membuat keputusan Amerika Syarikat yang menolak tindakan memiliknegara dan berkecenderungan terhadap perundangan?

(25 markah)

3. Akta Radio 1927 Amerika Syarikat mengandungi empat bahagian yang menentang penapisan, walaupun beberapa jenis penapisan tetap wujud. Jelaskan setiap empat bahagian ini dan jenis-jenis penapisan yang berkembang dan bagaimanakah dua aliran ini boleh terjadi?

(25 markah)

4. Bincangkan perbezaan dan persamaan di dalam model-model terkawal yang digunakan di Amerika Syarikat bagi media cetak, penyiaran dan pembawa umum.

(25 markah)

...2/-

5. Berdasarkan persembahan kelas dan bahan bacaan, bincangkan mana-mana tiga konsep berikut:

- a. dominasi pasaran (market dominance)
- b. pergantungan (dependency)
- c. kemajmukan (pluralism)
- d. penumpuan/konsentrasi pemilikan media (concentration of ownership)
- e. 'cross-subsidy'

(25 markah)

6. Apakah langkah-langkah dasar (bincangkan dua) yang digunakan untuk menghadkan atau mengubahsuai monopoli pengiklanan TNAAs di dalam negara-negara membangun seperti Indonesia atau Malaysia? Bincangkan keberkesanan relatif langkah-langkah tersebut dengan menggunakan contoh berlainan daripada satu atau kedua-dua negara tersebut.

(25 markah)

7. Tulis nota ringkas bagi mana-mana tiga yang berikut:

- a. aliran bebas maklumat berita
- b. hak cipta sofwer komputer dari segi negara Dunia Ketiga
- c. pemberitaan negatif terhadap negara Dunia Ketiga
- d. kesan "electronic database" terhadap negara Dunia Ketiga
- e. peranan penyiaran di dalam pembangunan kebudayaan negara Dunia Ketiga.

(25 markah)

-ooooOooo-